

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE
(PETALING JAYA UTARA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 22.10.2015

Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE [PETALING JAYA UTARA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada perjanjian jaminan bon berjumlah US\$3.5 bilion yang diberi oleh International Petroleum Investment Corporation (IPIC) mensyaratkan supaya lebih kurang RM4.5 billion dalam Laporan Audit 2014 dicagarkan kepada IPIC atau anak syarikatnya, Aabar Investment. Adakah cagaran ini diiktiraf oleh IPIC.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, 1MDB telah membuat deposit sebagai cagaran (*collateral*, dengan izin) sebanyak RM4,459,663,483 (AS\$1,367,298,345) bagi jaminan bon AS\$3.5 bilion mengikut terma-terma perjanjian. Perkara ini ada dinyatakan di dalam Penyata Kewangan 1MDB bagi tahun berakhir 31 Mac 2014.